

**TEKS PERSEMBAHAN UCAPAN ALU-ALUAN
MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN 2013**

**OLEH :
YANG BERHORMAT DATUK ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PADA :
22 OKTOBER 2013**

**TEMPAT :
THE ZENITH HOTEL, KUANTAN, PAHANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita hadir ke majlis yang sangat bermakna, dalam suasana yang sungguh meriah lagi permai ini.

Patik merafak sembah menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat bercemar duli ke majlis ini dan seterusnya menyempurnakan Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 diringi Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajjah Kalsom.

Berbudi bahasa berhemah tinggi,
Tuanku bertitah rakyat dengari,
Semua jemputan tuanku hadiri;
Asalkan rakyat rasa dihargai.

Cincin bertatah intan permata,
Hadiah teruna kepada si dara,
Kepada rakyat ramah dan mesra,
Itulah sifat Sultanah yang mulia

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Di kesempatan ini patik juga mohon menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang dan Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang atas limpah perkenan berangkat dan sama-sama memberikan sokongan terhadap Majlis Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku ke majlis ini serta sokongan padu daripada Paduka-Paduka anakanda serta kerabat-kerabat Diraja, patik dan seluruh warga kerja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sangat-sangat menyanjung tinggi dan menghargainya.

Sesungguhnya patik-patik sekalian amat kagum dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Majlis Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan kali ini dijadikan sebagai salah satu acara rasmi dalam Sambutan Memuliakan Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang juga menunjukkan sikap prihatin kepada rakyat jelata termasuk golongan warga emas.

Terima kasih sekalung budi buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, dan barisan kepimpinannya yang telah memberi kerjasama yang penuh dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan Majlis Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 ini.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Objektif Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan

1. Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa diisytiharkan pada 1 Oktober selaras dengan Resolusi No.45/106, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 14 Disember 1990. Selaras dengan resolusi tersebut Kerajaan Malaysia telah bersetuju mengisytiharkan 1 Oktober setiap tahun mulai tahun 1992 sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan. Sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini adalah kali yang ke-21.

2. Sambutan Hari Warga Emas dilaksanakan dengan 3 objektif utama
iaitu:
 - (i) meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan ikatan kekeluargaan, penjagaan, perlindungan dan kemudahan berkaitan ke arah peningkatan kualiti hidup warga emas;

 - (ii) meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan kepada warga emas melalui pembelajaran sepanjang hayat; dan

 - (iii) memberi penghormatan dan penghargaan kepada warga emas yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan warga emas dan negara melalui program pembelajaran sepanjang hayat.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

3. Pada kali ini, seramai 2,000 orang warga emas dari seluruh negara telah dijemput bagi meraikan sambutan ini. Antara aktiviti yang telah diatur sepanjang hari ini bagi meraikan warga emas ialah forum “Semarak Ilmu Warga Emas” yang berkonsep sembang santai dan pameran interaktif yang berkonsepkan “Pembelajaran Sepanjang Hayat”.

Senario Penuaan Penduduk di Malaysia

4. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan mendapati terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas atau 6.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 23.5 juta orang). Berbanding dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini yang dijalankan pada tahun 2010, warga emas merupakan 2.3 juta orang atau 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 28.3 juta orang)
5. Bagi negeri Pahang Darul Makmur pula, bilangan warga emas berjumlah hampir 70,800 orang atau 5.5% daripada jumlah penduduk pada tahun 2000. Jumlah ini meningkat kepada hampir 122,700 orang atau 8.2% daripada jumlah penduduk negeri Pahang darul Makmur pada tahun 2010.
6. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa **Malaysia akan menjadi sebuah negara tua (*aged nation*) pada tahun 2030 apabila penduduk berumur**

60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada ketika itu, penduduk negara akan mencapai 35.3 juta orang, yang mana 5.3 juta orang merupakan warga emas. Justeru, Malaysia akan menjadi sebuah negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

7. Selain itu, *U.S. Census Bureau* mengunjurkan bahawa kadar penuaan penduduk warga emas yang **berumur 65 tahun dan ke atas di Malaysia** akan mencatatkan peningkatan daripada 7% pada tahun 2020 kepada 14% pada tahun 2043. Ini bermakna **bilangan penduduk warga emas yang berumur 65 tahun dan ke atas di Malaysia akan meningkat 2 kali ganda dalam masa 23 tahun berbanding Perancis yang mengambil masa selama 115 tahun untuk berbuat demikian** (iaitu dari tahun 1865 hingga 1980). Negara Sweden pula mengambil masa 85 tahun manakala Hungary sebanyak 53 tahun.

8. Dalam hal ini, negara-negara Barat tersebut telah mempunyai masa yang panjang untuk menyiapkan diri dalam menghadapi fenomena negara tua. Malaysia pula perlu menghadapinya dalam masa yang agak singkat iaitu hanya 23 tahun sahaja. Berhubung perkara ini juga, Harlem Brundtland, bekas Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (1998-2003) pernah berkata: *"We must be fully aware that while the developed countries became rich before they became old, the developing countries will become old before they become rich."*

9. Sehubungan itu, Malaysia perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negara ini. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Tema Berkonsepkan Pembelajaran Sepanjang Hayat

10. Patik mohon menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa tema Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 adalah “**Ilmu Dijunjung, Warga Emas Disanjung**” sejajar dengan strategi kedua Pelan Tindakan Warga Emas Negara iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat. Patik bagi pihak kementerian amat menghargai banyak pihak yang meneroka dan memberi peluang kepada golongan warga emas untuk melanjutkan pelajaran.
11. Sebagai contoh, Universiti Terbuka Malaysia (OUM) turut menggalakkan warga emas melanjutkan pelajaran di universiti tersebut menerusi insentif dalam bentuk diskaun sebanyak 75% daripada yuran pengajian.

12. Selain itu, Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil inisiatif untuk menerajui Program Universiti Era Ketiga (U3A) yang merupakan satu program pembelajaran sepanjang hayat bagi warga emas sejak tahun 2007. Program ini telah berjaya dijalankan di mana bilangan peserta telah meningkat daripada 84 orang pada tahun pertama kepada 548 orang pada akhir tahun 2012. Ini merupakan satu pencapaian yang sungguh memberangsangkan dan menunjukkan trend sambutan program pembelajaran sepanjang hayat yang semakin mendapat sambutan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

13. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat di institusi JKM dengan kerjasama Institut Gerontologi, UPM. Sebagai projek perintis, program ini telah dilaksanakan di Rumah Seri Kenangan Cheras yang telah melibatkan penyertaan 100 orang warga emas dan telah tamat seperti yang dirancang. Usaha murni ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan penyesuaian semula berdasarkan minat kecenderungan warga emas itu sendiri.

14. Harapan kementerian agar lebih banyak universiti dan institusi akan memberi peluang kepada golongan warga emas untuk melanjutkan pelajaran atau pengajian mereka. Warga emas merupakan aset yang amat penting kepada negara kerana mereka memiliki ilmu, pengalaman dan kepakaran yang tidak mudah dicari ganti. Usia emas itu bukanlah noktah bagi mereka untuk

menyumbang tenaga mahupun bagi kita memanfaatkan golongan warga emas.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

15. Patik mohon menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa bagi memberi pengiktirafan kepada warga emas yang telah mengikuti program pembelajaran sepanjang hayat, pada tahun ini diadakan Penghargaan Warga Emas Cemerlang Kategori Akademik dan juga Kategori Kesenian dan Kebudayaan. Seramai 304 orang telah dicalonkan bagi kategori akademik dan seramai 107 orang telah dicalonkan bagi kategori kebudayaan dan kesenian. Panel pemilihan Penghargaan Warga Emas Cemerlang ini terdiri daripada wakil kementerian, JKM, Kementerian Pendidikan serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

16. Pada hari ini, seramai 3 orang akan menerima penghargaan bagi **kategori akademik** dan 3 orang lagi bagi **kategori kesenian dan kebudayaan**. Adalah diharapkan agar kejayaan penerima anugerah ini menjadi pembakar semangat dan pemangkin kepada lebih ramai warga emas malahan generasi muda ke arah pembelajaran sepanjang hayat dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

**Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Kerajaan Melalui Jabatan
Kebajikan Masyarakat Untuk Warga Emas**

17. Patik juga mohon menyembah maklum bahawa kementerian melalui JKM melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan program sejajar dengan keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan hidup golongan warga emas.
18. Justeru, kementerian terus menyediakan bantuan di bawah skim Bantuan Orang Tua sebanyak RM300 sebulan kepada warga emas yang layak. Dalam hal ini, Bantuan Orang Tua merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar pada tahun 2012, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM519.2 juta bagi membantu sejumlah 152,138 orang di seluruh negara. Ini merupakan 35.3% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan masyarakat pada tahun 2012.
19. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 7,836 kes Bantuan Orang Tua bagi negeri Pahang pada tahun 2012 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM26.6 juta.
20. Di samping itu, terdapat program yang dijalankan dalam komuniti demi memberikan kemudahan yang terbaik kepada warga emas iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*). Kesemua program ini merupakan khidmat yang bercorak '*outreach*' dan *developmental* kepada warga emas

dengan berganding bahu bersama agensi-agensi lain dan pertubuhan sukarela kebajikan (PSK).

Penutup

21. Sebagai kesimpulan, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen Kerajaan untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas kita menua secara aktif, produktif dan sihat.

Di kesempatan ini patik merafak sembah mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi patik mengalukan dan merakamkan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada tetamu-tetamu yang hadir pada petang ini.

- Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob Menteri Besar Pahang,
- Yang Amat Mulia Kerabat-Kerabat Bergelar
- Yang Berhormat Dato' Sri Mohammad Saffian Bin Ismail Setiausaha Kerajaan Pahang,
- Yang Mulia Kerabat-Kerabat,
- Yang Berhormat Encik Norol Azali Bin Sulaiman dan Isteri,

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 sempena Memuliakan Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

- Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang
- Yang Hormat Dato' Sabariah Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Yang Hormat Dato' Norani Haji Mohd Hashim,
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia
- Yang Hormat Ahli-ahli Jummah Pangkuan Diraja Negeri Pahang,
- Yang Hormat Dato' Sri-Dato' Sri dan Yang Berbahagia Datin Sri-Datin Sri
- Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Yang Berbahagia Puan Sri-Puan Sri,
- Yang Hormat Dato'-Dato' dan Yang Berbahagia Datin-Datin,
- Ahli-Ahli Yang Berhormat,
- Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,
- Pemimpin-Pemimpin Masyarakat,
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan.
- Warga-warga Emas yang dihormati dan Diraikan

Seterusnya patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan, Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang, agensi-agensi kerajaan dan swasta, NGO's dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan pada kali ini.

Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik yang tidak sepertinya pada petang ini. Patik merafak sembah memohon ampun dan maaf jika ada sebarang kekurangan di dalam penganjuran majlis pada petang ini dan jika terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik sebentar tadi.

Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah S.W.T. moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus dikurniakan kecemerlangan hidup, sihat walafiat, dilanjutkan usia, aman sentosa, dilimpahkan nikmat dan dimudahkan rezeki di samping Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajah Kalsom, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang, Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang, Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Anakanda Putera dan Puteri Serta Yang Mulia Paduka-Paduka Cucunda Putera dan Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Amin.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,sembah patik pohon diampun.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.